



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

PROGRAM ORGANISASI BERASASKAN KOMUNITI (CBO) BANTU BANGUNKAN KUMPULAN SASAR KPWKM

TUMPAT, 13 Julai – YBhg Datuk Dr. Maziah Binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), mewakili YB Menteri Dato' Sri Hajah Nancy Shukri merasmikan **Program Pelancaran Direktori Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO) KPWKM @ Tumpat, Kelantan** di Dewan Putra, Taman Desa SBJ Putra, Pasir Pekan, Tumpat, Kelantan.

Direktori CBO KPWKM @ Tumpat, Kelantan akan digunakan sebagai dokumen rujukan Ketua CBO yang dilantik bagi mempercepatkan tindakan membantu kumpulan sasaran dalam komuniti setempat yang memerlukan bantuan KPWKM.

Dalam usaha untuk membendung peningkatan kes-kes yang menjejaskan kumpulan sasaran KPWKM seperti kanak-kanak, golongan orang kurang upaya (OKU), warga emas serta mangsa keganasan rumahtangga, KPWKM mewujudkan CBO yang menjadi asas kepada pembangunan komuniti yang didorong oleh anggota komuniti itu sendiri. Ini berdasarkan kepada prinsip bahawa tugas melindungi serta menjaga keselamatan dan kebajikan golongan tersebut adalah tanggungjawab bersama semua pihak khususnya komuniti setempat.

Program hari ini adalah usaha KPWKM untuk memperkasa pengetahuan dan kemahiran ahli-ahli komuniti yang menganggotai Organisasi Berasaskan Komuniti atau *Community Based Organization* (CBO) di daerah Tumpat sebagai rakan strategik dalam membantu menyantuni kumpulan sasaran Kementerian.

Terdahulu, YBhg. Datuk Dr. KSU bersama Sukarelawan Khidmat Bantu Dirumah (KBDR), telah turun menyantuni dan menyampaikan sumbangan kepada klien KBDR Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). KBDR merupakan satu program *social outreach* dan berkonsepkan kebajikan sebagai tanggungjawab bersama ini, memberi khidmat sokongan kepada warga emas dan OKU terutama bagi mereka yang tinggal bersendirian atau bersama ahli keluarga di rumah yang kurang berkemampuan. Sukarelawan yang memberi perkhidmatan KBDR adalah sukarelawan yang berdaftar di bawah JKM dan terlatih. Antara perkhidmatan yang diberikan adalah membantu klien urus diri, menjadi rakan berbual, menjalankan aktiviti riadah, membawa ke klinik/hospital untuk temujanji doktor dan lain-lain perkhidmatan bagi menyokong kesejahteraan klien.

KPWKM menyeru komuniti setempat, memanfaatkan perkhidmatan **Talian Kasih 15999 yang juga boleh diakses melalui whatsapp 019-2615999 atau aplikasi mobile** untuk melaporkan dan mendapatkan bantuan awal bagi kes-kes penderaan, keganasan rumahtangga atau pengabaian yang melibatkan anggota komuniti khususnya kanak-kanak dan wanita.

Turut serta dalam program ini YBrs. Tuan Haji Jasri Bin Kasim, Pengarah Pembangunan Negeri Kelantan (ICU) Jabatan Perdana Menteri, YBrs. Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan pegawai-pegawai kanan kementerian.

####

Disediakan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

13 JULAI 2024